

TINJAUAN TERHADAP PERMASALAHAN PELAJAR SARJANA  
PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL (KUITTHO) DALAM  
MENJALANI LATIHAN MENGAJAR

HASNIZA BT HJ HARUN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

SEPTEMBER 2003

***Istimewa buat Ayah dan Mak.***

Terima kasih di atas segala sokongan dan harapan untuk berjaya,  
halalkan makan dan minum Iza

***Buat Kakak, Abang Dan Adik-adik Yang Ku Sayangi.***

Terima kasih di atas segala sokongan yang diberikan.

***Buat Rakan-rakan Seperjuangan.***

Maya, Zila, Fisah dan K.Nie

Terima kasih segala-galanya dan hargailah detik-detik kita bersama.

***Buat Tunang Yang Ku Sayangi.***

Terima kasih kerana memahami hati ini.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum wbk.

Terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa syukur dan puji-pujian ke hadrat Illahi. Di atas restu dan izinNya yang memberi kekuatan untuk terus berjuang dan bersama-sama para sahabat yang dirahmati. Selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad SAW, kepada para ahli keluarganya dan para sahabat baginda, para tabi'in dan tabi' attabi'in serta seluruh muslimin dan muslimat yang dirahmati dan dikasihi Allah SWT.

Sekalung penghargaan ini ditujukan khas buat penyelia projek, Tuan Hj Salleh Bin Hj Tahar kerana kesudian beliau untuk menyelia dan menilai projek hingga ke akhirnya. Ucapan terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Zaidi dan Puan Anizam kerana di atas nasihat dan teguran yang diberikan dan juga responden-responden yang memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang kajian ini dijalankan.

Sekalung terima kasih buat bonda serta keluarga yang sentiasa berada disisi untuk memberikan kata-kata dorongan dan tunjuk ajar, tak lupa kepada seseorang yang 'akrab' di dalam hati serta kepada teman-teman yang sudi menghulurkan bantuan. Terima kasih buat semua yang telah banyak mencurahkan ilmu sehingga dapat saya menyiapkan projek dan laporan ini. Budi dan jasa yang kalian berikan tidak ternilai harganya di dunia ini. Semoga ALLAH memberkati perjalanan hidup kalian. Akhir kalam, Terima kasih. Wassalam.

## ABSTRAK

Program latihan mengajar merupakan suatu komponen yang penting dalam pendidikan perguruan bagi melahirkan bakal-bakal pendidik yang terlatih dan berwibawa. Kajian yang bertajuk “Tinjauan Terhadap Permasalahan Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (KUiTTHO) Dalam Menjalani Latihan Mengajar” ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat adakah wujud permasalahan yang dilalui oleh pelajar-pelajar bidang pendidikan dalam menjalani latihan mengajar. Objektif kajian adalah untuk mendapatkan maklum balas para pelajar mengenai permasalahan latihan mengajar dari segi aspek sebelum, semasa dan selepas. Kajian secara tinjauan ini melibatkan pengedaran borang soal selidik kepada seramai 120 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional semester III sesi 2003/2004. Perisian *Statistical Package for Social Science Version 11.0 (SPSS 11.0)* digunakan dalam pemprosesan dan penganalisan data bagi mendapatkan peratusan dan min. Hasil kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan responden memberikan maklumbalas yang positif terhadap latihan mengajar yang telah mereka jalani. Min bagi aspek sebelum menjalani latihan mengajar ialah 2.93, manakala bagi aspek semasa menjalani latihan mengajar ialah 2.85 dan bagi aspek selepas latihan mengajar pula ialah 3.09. Daripada dapatan yang diperolehi, sebahagian besar daripada mereka berpuashati dengan latihan mengajar dimana ia berada pada tahap sederhana baik dan memuaskan.

## ABSTRACT

Teaching training programme is an important component in the teaching education to produce well trained and competence educator. The study entitled “Tinjauan Terhadap Permasalahan Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional (KUiTTHO) Dalam Menjalani Latihan Mengajar” is implemented in order to know the problem of teaching training programme that must be undergone by student in the education field. The objectives of this study are to acquire information regarding teaching training from various aspects of before, during and after. Survey method was used in this case study by distributing questionnaires to one hundred and twenty respondents from the third semester students of Masters in Education Technical and Vocational for session 2003/2004. Statistical Package for Social Science Version 11.0 (SPSS 11.0) software is used in data processing and analysis to obtain frequency, percentage and mean. The finding totally shows that respondents give a positive perception towards teaching training that they have undergone. Mean for aspect before teaching training is 2.93, when for aspect during teaching training is 2.85 and for aspect after teaching training is 3.09. From the result many of them agreed that no problem about teaching training and it was in the simple good and satisfy level.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
	HALAMAN JUDUL	
	HALAMAN PERAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pemyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Skop Kajian	6
	1.8 Definisi Istilah	7
	1.9 Ringkasan	10

## **BAB II        SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	11
2.2	Matlamat dan Kepentingan Latihan Mengajar	12
2.3	Sorotan Kajian Lepas Mengenai Sebelum Latihan Mengajar	14
2.4	Sorotan Kajian Lepas Mengenai Semasa Latihan Mengajar	17
2.5	Bimbingan Dan Penyeliaan	21
2.6	Hubungan dan Komunikasi Sosial	22
2.7	Sorotan Kajian Lepas Mengenai Selepas Latihan Mengajar	23
2.8	Teori dan Model Gaya Pembelajaran	24
2.9	Masalah –masalah Lain	25
2.10	Ringkasan	26

## **BAB III        METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	27
3.2	Rekabentuk Kajian	28
3.3	Respon/Sumber Data	29
3.4	Instrumen Kajian	29
3.5	Kaedah Analisis Data	32
3.6	Kajian Rintis	33
3.7	Batasan Kajian	34
3.8	Andaian	35
3.9	Ringkasan	35

## **BAB IV ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN**

4.1	Pengenalan	36
4.2	Dapatan Kajian	37
4.3	Bahagian A : Latarbelakang Responden	38
4.3.1	Jantina	38
4.3.2	Kumpulan Umur	38
4.3.3	Status Perkahwinan	39
4.3.4	Pengalaman Mengajar	39
4.3.5	Kursus Pengajian Ijazah Pertama	40
4.4	Bahagian B: Min Bagi Penilaian Terhadap Aspek-aspek dalam Menjalani Latihan Mengajar	40
4.4.1	Aspek Sebelum Menjalani Latihan Mengajar	41
4.4.2	Aspek Semasa Menjalani Latihan Mengajar	46
4.4.3	Aspek Selepas Menjalani Latihan Mengajar	62
4.5	Rumusan	65

## **BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	67
5.2	Perbincangan	68
5.2.1	Aspek Sebelum Menjalani Latihan Mengajar	68
5.2.2	Aspek Semasa Menjalani Latihan Mengajar	70
5.2.3	Aspek Selepas Menjalani Latihan Mengajar	72
5.3	Kesimpulan Kajian	73
5.4	Cadangan	74
5.4.1	Aspek Sebelum Menjalani Latihan Mengajar	74
5.4.2	Aspek Semasa Menjalani Latihan Mengajar	74
5.4.3	Buku Garis Panduan Latihan Mengajar	76

**BAB VI                      REKABENTUK PRODUK**

6.1	Pengenalan	77
6.2	Latarbelakang Teori Penghasilan Produk	78
6.3	Objektif Penghasilan Produk	78
6.4	Bentuk dan Ciri-ciri Produk	79
6.5	Kronologi Pembinaan Produk	79
6.6	Sasaran Penggunaan Produk	81
6.7	Permasalahan Yang Dihadapi Dalam Proses Penghasilan Produk	81
6.8	Batasan	82
6.9	Harapan	82

**BIBLIOGRAFI****LAMPIRAN A - D**

83



PTPTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
3.1	Spesifikasi Skala Likert	31
3.2	Skala Skor Min	32
4.1	Bilangan peratusan responden mengikut jantina	38
4.2	Bilangan dan peratusan responden mengikut kumpulan umur	38
4.3	Bilangan dan peratusan responden mengikut status perkahwinan	39
4.4	Bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar	39
4.5	Bilangan dan peratusan responden mengikut kursus pengajian ijazah pertama.	40
4.6	Min Bagi Penilaian terhadap aspek –aspek dalam menjalani latihan mengajar.	40
4.7	Maklumbalas responden terhadap latihan mengajar dari aspek sebelum menjalani latihan mengajar bagi komponen kuliah.	42
4.8	Min Item Sebelum Latihan Mengajar Bagi komponen Kuliah	43
4.9	Maklumbalas responden terhadap latihan mengajar dari aspek sebelum menjalani latihan mengajar bagi komponen taklimat latihan mengajar	45
4.10	Min bagi komponen taklimat Latihan Mengajar	45
4.11	Maklumbalas responden aspek semasa menjalani latihan mengajar bagi komponen Kesesuaian Bidang	47

**SENARAI RAJAH**

<b>NO RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
3.1	Kaedah Peratusan Kekerapan	32
3.2	Kaedah Min Skor	32
4.1	Graf Min bagi komponen Kuliah	43
4.2	Graf min bagi komponen Taklimat Latihan Mengajar	46
4.3	Graf bagi komponen Kesesuaian Bidang	48
4.4	Graf min bagi komponen Kemudahan	51
4.5	Graf bagi min komponen Penyesuaian Diri	53
4.6	Graf min bagi komponen Bebanan Tugas	56
4.7	Graf bagi min komponen Penyeliaan	58
4.8	Graf bagi min Penempatan	61
4.9	Graf bagi min komponen Kepuasan Kerja	65
6.1	Carta Alir Penghasilan Produk	80

**SENARAI SINGKATAN**

JPP	-	Jadual Penentu Pengajaran
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS 11.0	-	<i>Statistical Package for Social Science Version 11.0</i>
ABBM	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn



**SENARAI LAMPIRAN****LAMPIRAN****TAJUK**

- A Borang soal selidik
- B Analisis Kebolehpercayaan
- C Hasil Analisis
- D Produk



PTITA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Latihan mengajar merupakan aspek penting dalam kursus latihan guru. Bakal-bakal guru yang akan menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai pendidik di sekolah diwajibkan menjalani latihan mengajar untuk tujuan mendedahkan mereka tentang tugas pengajaran di bilik darjah dan juga mendapatkan pengalaman asas mengenai tugas, tanggungjawab dan peranan seorang guru di sekolah (Abdul Rahim, 2000).

Latihan mengajar di sekolah merupakan satu latihan yang memberi peluang kepada guru pelatih untuk mendapatkan pengalaman mempraktikkan pengetahuan yang dipelajari dalam kursus-kursus pendidikan kepada situasi bilik darjah dan sekolah yang sebenarnya (Louis Cohen dan Lawrence Maion, 1989) .

Mempunyai nilai kerja yang baik adalah penting kepada setiap pekerja yang ingin berjaya dalam pekerjaan. Begitu juga mempunyai sikap yang positif terhadap latihan mengajar akan membawa kejayaan kepada seseorang guru pelatih dalam latihan mengajar (Zakaria dan Abdul Rahman, 1997).

Latihan mengajar ialah nadi kepada kursus perguruan dan merupakan ciri utama peningkatan status guru. Seringkali latihan mengajar diintegrasikan sekali gus dengan kursus teori sebelum seseorang guru pelatih dianugerahkan dengan sijil, diploma atau ijazah profesion perguruan. Ia agak berbeza dengan profesion lain seperti Pegawai Perubatan atau Farmasi, yang hanya diiktiraf sebagai profesion selepas menjalani latihan atau 'house-manship' untuk tempoh tertentu di hospital setelah mereka tamat menjalani kursus teori secara berasingan. Latihan mengajar juga seolah-olah seperti suatu bentuk penilaian bagi penganjur kursus kerana sifatnya yang tertumpu kepada pengaplikasian secara total segala teori dan kemahiran sama ada aspek-aspek psikologi, sosiologi, kurikulum, pentadbiran, penilaian dan sebagainya. Prestasi dan kebolehpayaan guru pelatih diukur sewaktu tempoh Latihan Mengajar dengan kaedah pencerapan (Zakaria dan Idris, 1994).

Latihan mengajar merupakan satu komponen penting dalam program pendidikan guru dikebanyakan institusi penyediaan guru di Malaysia dan juga di luar negeri (Zulkifli, 1994).

## 1.2 Latarbelakang Permasalahan

Menurut Zakaria dan Idris (1994) menyatakan terdapat empat masalah yang wujud dalam menjalani Latihan Mengajar iaitu masa latihan mengajar, penempatan, pengajaran serta bimbingan dan bantuan kewangan.

Masa guru-guru pelatih menjalankan latihan mengajar ialah 12 minggu sahaja. Latihan mengajar ini terbahagi kepada dua fasa. Ini bermakna satu fasa cuma ada lapan minggu. Pengalaman latihan mengajar yang sebenarnya pula adalah kurang daripada lapan minggu pada sesuatu fasa kerana semasa ini sekolah mungkin mengadakan peperiksaan penggal atau bulanan serta pelbagai aktiviti lain atau perayaan-perayaan tertentu. Keadaan-keadaan yang wujud ini sedikit sebanyak

mengganggu rentak serta suasana pelaksanaan latihan mengajar guru-guru pelatih yang berkenaan.

Pada peringkat awal latihan mengajar, masa digunakan oleh guru-guru pelatih untuk menyesuaikan diri dengan pelajar-pelajar dan dengan suasana persekitaran sekolah untuk melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran. Peringkat akhir Latihan Mengajar pula digunakan untuk acara-acara perpisahan antara guru dan murid serta masyarakat sekolah dimana kemesraan dan kesesuaian mula terjalin. Sayang sekali kemesraan yang telah mula terjalin itu terpaksa diberhentikan disebabkan oleh tempoh latihan telah tamat.

Penempatan guru-guru pelatih juga boleh menimbulkan pelbagai masalah kepada guru-guru pelatih. Gejala-gejala positif atau negatif memberi pengaruh besar terhadap motivasi serta perlakuan guru-guru pelatih pada masa-masa yang akan datang. Penempatan ini meliputi suasana persekitaran sekolah yang meliputi keadaan keceriaan dan masyarakat sekolah. Keceriaan merangkumi pengurusan fizikal termasuk penekanan terhadap nilai-nilai estetika seperti taman sains, sudut-sudut pembelajaran serta pengurusan bahan-bahan dan alat-alat bantu mengajar. Seandainya suasana persekitaran sekolah serta pengurusan sekolah tidak teratur dan sempurna, guru-guru pelatih akan menghadapi kerumitan mengeksplotasi persekitaran sekolah untuk menjadikan lebih menarik dan berkesan.

Pengajaran serta bimbingan di mana pihak sekolah cuba sedaya upaya memberi peluang kepada guru-guru pelatih untuk mengajar mata pelajaran pengkhususan mereka. Namun begitu terdapat juga kekangan pihak sekolah untuk memberi guru-guru pelatih peluang mengajar mata pelajaran yang diperlukan dengan sepenuhnya. Contohnya guru-guru pelatih itu mengikut program “double major” iaitu program yang mempunyai dua pengkhususan.

Bantuan kewangan di mana guru-guru pelatih prasiswazah yang mendapat bantuan kewangan melalui elaun harian dan terdapat pula guru-guru pelatih prasiswazah yang tidak mendapat elaun harian kerana mereka bukan tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara guru-guru pelatih lepasan ijazah yang mengikuti diploma pendidikan, ada yang mendapat elaun bulanan dan ada pula yang

tidak mendapat elaun bulanan. Ini memmberi satu masalah kepada diri pelatih dalam menjalani latihan mengajar.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Latihan mengajar yang dijalankan oleh pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional lepasan KUiTTHO adalah bertujuan untuk menguji segala teori dan amalan yang dipelajari sepanjang proses pembelajaran mereka supaya dapat diaplikasikan sepenuhnya dalam pengajaran nanti. Latihan mengajar ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan pengalaman agar mereka dapat membiasakan diri pada masa permulaan pengajaran nanti.

Dalam proses ini mungkin terdapat beberapa masalah yang timbul seperti penempatan di politeknik, perhubungan antara pelatih dengan penyelia, komunikasi antara pihak atasan dan sebagainya. Dengan adanya pengurusan latihan mengajar yang sistematik dan efisien akan melancarkan lagi proses latihan mengajar ini. Ia juga bertujuan menjadikan latihan mengajar lebih sistematik dengan perekodan maklumat-maklumat yang lengkap agar senang dihubungi jika berlaku sebarang kecemasan.

Setelah melihat beberapa permasalahan atau kekangan yang berlaku dalam menjalani Latihan Mengajar, ini memberi idea kepada pengkaji untuk melihat lebih jauh mengenai masalah yang ditimbulkan oleh Zakaria & Idris (1994), yang menyatakan permasalahan penempatan merupakan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam menjalani latihan mengajar. Oleh yang demikian pengkaji juga ingin melihat kekangan-kekangan lain yang timbul dalam menjalani latihan mengajar.

## 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui persepsi pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO terhadap permasalahan dalam menjalani latihan mengajar yang mereka akan lalui. Beberapa objektif telah ditetapkan dalam kajian ini, iaitu:

- 1.4.1 Mengenalpasti permasalahan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional sebelum menjalani Latihan Mengajar.
- 1.4.2 Mengenalpasti permasalahan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional semasa menjalani Latihan Mengajar.
- 1.4.3 Mengenalpasti permasalahan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional selepas menjalani Latihan Mengajar.

## 1.5 Persoalan kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang dibentuk untuk mencapai objektif kajian. Kajian ini untuk meninjau persoalan-persoalan berikut:

- 1.5.1 Adakah wujud permasalahan sebelum menjalani Latihan Mengajar di kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional dari KUiTTHO?
- 1.5.2 Adakah wujud permasalahan semasa menjalani Latihan Mengajar di kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional dari KUiTTHO?
- 1.5.3 Adakah wujud permasalahan selepas menjalani Latihan Mengajar di kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional dari KUiTTHO?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Berikut adalah kepentingan yang telah dikenalpasti oleh pengkaji :

- 1.6.1 Sebagai garis panduan untuk perancangan yang lebih baik dan lebih bersedia untuk menjalani latihan mengajar yang akan dilalui.
- 1.6.2 Agar pengurusan pelajar menjadi lebih sistematik dan efisien bagi melicinkan perjalanan proses latihan mengajar.
- 1.6.3 Hasil kajian ini agar dapat membantu pihak penyelaras Latihan Mengajar KUiTTHO untuk meningkatkan lagi pengurusan latihan mengajar dimasa akan datang.
- 1.6.4 Untuk dijadikan sebagai panduan dan bahan rujukan kepada bakal penyelidik yang berminat untuk membuat kajian yang berkaitan dengan permasalahan latihan mengajar pada masa akan datang.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini melibatkan populasi pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional dari KUiTTHO semester 03 sesi 2003/2004 yang baru selesai menjalani latihan mengajar di politeknik. Kajian ini lebih meliputi permasalahan yang berlaku ke atas pelajar-pelajar yang telah menjalani latihan mengajar di politeknik. Namun begitu penekanan lebih kepada permasalahan sebelum, semasa dan selepas menjalani latihan mengajar.

Kajian ini juga dijalankan hanya untuk mendapatkan maklum balas daripada pelajar-pelajar yang baru selesai menjalani latihan mengajar di politeknik-politeknik di seluruh Malaysia.

## **1.8 Definasi Istilah**

Pada bahagian ini penjelasan mengenai istilah dinyatakan bagi memastikan kefahaman dan hala kajian dapat ditentukan. Penggunaan istilah tersebut adalah dikhususkan untuk kajian ini sahaja. Fokus kajian adalah berpandukan kepada definasi berikut.

### **1.8.1 Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional dari KUiTTHO**

Pelajar-pelajar ini merupakan bakal menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah atau politeknik-politeknik yang telah ditetapkan pada semester 02 yang mengambil jurusan Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional dari KUiTTHO.

### **1.8.2 Latihan Mengajar**

Latihan mengajar bagi bakal guru adalah suatu pendidikan awal dalam kehidupan seseorang pendidik. Pengetahuan akademik yang ada pada setiap individu itu belum mencukupi untuk menjadi seorang pendidik. Pengetahuan dan amalan praktikal dalam pengajaran dan pembelajaran adalah satu alat yang penting untuk menentukan kejayaan seseorang guru. Dalam proses pengajaran, guru menyampaikan ilmu yang tersimpan di dada mereka kepada pelajar-pelajar.

Melalui latihan mengajar, guru pelatih akan dapat menunjukkan dan mengamalkan tingkahlaku yang diinginkan untuk mengajar secara berkesan serta menggunakan segala teori yang telah didedahkan kepada mereka semasa mengikuti kursus pendidikan. Mengikut Veenman (1984), latihan mengajar adalah satu transisi dari seorang pelajar kepada menjadi seorang guru terlatih.

Menurut Zulkifli (1994), menyatakan di Malaysia, latihan mengajar merupakan satu komponen program latihan guru di maktab perguruan dan juga di fakulti pendidikan yang terlibat dengan latihan perguruan, dan pada waktu-waktu tertentu di penghujung tempoh program pendidikan guru, terdapat pensyarah-pensyarah dari fakulti pendidikan yang terlibat akan membuat lawatan penyeliaan guru pelatih disekolah-sekolah yang diikutinya. Selain itu, latihan mengajar merupakan kesempatan bagi guru pelatih untuk menguji teori dan menggunakan ilmu keguruan yang telah dipelajari sekian lama.

Manakala menurut Abdul Raof dan T. Sumbaran (1991), latihan mengajar adalah satu komponen yang sangat penting dalam sesuatu program latihan perguruan. Melalui latihan ini, guru pelatih akan dapat menunjukkan dan mengamalkan tingkahlaku yang diinginkan untuk mengajar secara berkesan serta menggunakan segala teori yang telah didedahkan kepada mereka semasa mengikuti kursus pendidikan.

Dalam skop kajian KUiTTHO, latihan amali ini dijalankan selama 12 minggu yang merupakan salah satu syarat yang mesti dipatuhi untuk dianugerahkan Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional daripada KUiTTHO.

Latihan mengajar adalah sejenis alat penilaian prestasi keupayaan guru-guru pelatih dan diberi gred atau markah untuk pengijazahan.

Latihan mengajar menekankan penggunaan kemahiran tertentu dan mempraktikkan tugas-tugas tertentu (Katz, 1974). Menurut Kamus Dewan (2000), latihan merupakan pelajaran atau didikan untuk memahirkan dan membiasakan ajaran yang diterima manakala mengajar pula ialah menyampaikan ilmu pengetahuan

(kemahiran dan sebagainya) kepada orang lain, melatih, mendidik dan memberi petunjuk-petunjuk.

### 1.8.3 Kepuasan kerja

Menurut Carter V. Good dalam Muhammad Shafiei (1999), mendefinisikannya sebagai suatu kualiti, status atau tingkat kepuasan yang timbul daripada minat dan sikap terhadap kerja. Ini bermaksud kepuasan kerja menerangkan apa yang membuatkan orang itu mahu datang bekerja, apa yang membuatkan mereka bergembira dengan pekerjaannya dan mengambil keputusan untuk tetap dengan jawatan yang disandangnya itu.

Kepuasan kerja mengikut Blum dan Naylor dalam Asman (1998) adalah merujuk kepada satu set sikap yang dipegang oleh seseorang pekerja terhadap pekerjaan mereka.

Definasi yang diberi oleh Encyclopedia International (1976) dan McGraw Hill Dictionary of Modern Economics (1965) merujuk kepada mereka yang menggunakan tenaga fizikal berbanding dengan tenaga mental dan mereka seringkali mengikut arahan.

Kepuasan kerja menggunakan alat pengukur Job Descriptive Index (JDI) yang dibentuk oleh Smith, Kendall dan Hulin dalam Asman (1998) menunjukkan Job Descriptive Index terbahagi kepada lima dimensi kepuasan kerja iaitu pekerjaan itu sendiri, gaji, peluang kenaikan pangkat, rakan sekerja dan penyeliaan.

#### 1.8.4 Pelatih

Menurut Kamus Besar Bahasa Melayu (1995), pelatih bermaksud instruktur, guru, pendidik, pengajar, penyelenggaraan ataupun pengelola. Manakala Kamus Dewan (2000) pula menyatakan pelatih merupakan orang yang sedang menerima latihan atau yang masih menjalani latihan praktikal.

#### 1.8.5 Komunikasi

Menurut Gouran, Miller dan Wiethoff dalam Astrid (1987) menerangkan komunikasi adalah proses yang menghasilkan pertukaran maklumat dan difahami oleh dua atau lebih individu untuk memotivasikan atau mempengaruhi tingkahlaku individu. Komunikasi berfungsi sebagai informatif agar mengerti dan mengetahui serta sebagai persuasif iaitu bersedia menerima sesuatu pemahaman atau keyakinan untuk melakukan sesuatu perbuatan atau fungsi yang sangat luas.

#### 1.9 Ringkasan

Secara keseluruhan bab ini lebih membincangkan mengenai kajian yang dijalankan yang meliputi persoalan kajian, objektif kajian, definasi istilah yang digunakan, pernyataan masalah, skop kajian, kepentingan kajian dan latarbelakang masalah. Keperluan dalam bab ini merupakan perkara yang penting perlu ada dalam menjalankan sesuatu kajian dan gambaran awal mengenai kajian yang telah diperihalkan dalam bab ini akan dilanjutkan dalam bab-bab yang seterusnya.

## **BAB II**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Secara umumnya sorotan kajian ini bertujuan untuk meninjau konsep, matlamat dan kepentingan serta isu-isu yang berkaitan dengan latihan mengajar dalam program pendidikan perguruan khususnya kepada program Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO. Di samping itu, ia juga turut mengupaskan aspek-aspek yang berkaitan dengan permasalahan sebelum, semasa dan selepas latihan mengajar seperti masalah penempatan, komunikasi antara orang atasan, masa latihan mengajar, hubungan sosial, penyeliaan dan sebagainya.

## BIBLIOGRAFI

Abdul Rahim Abdul Rashid (2000). Panduan Latihan Mengajar. Edisi Ketiga. Hulu Kelang: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa (1987). Falsafah dan Konsep Pendidikan. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Abdul Raof dan T.Sumbahan Mohd Meerah (1991). Isu-isu Latihan Mengajar. Edisi Pertama. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Affizah Binti Mohamad Ghaffar (2001). Maklum Balas Pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal), Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, KUiTTHO Terhadap Latihan Mengajar. Tesis KUiTTHO.

Anizam Binti Mohamad Yusuf, Ezattulakmar Binti Amir Hamzah (1999). Satu Tinjauan Kesan Faktor Penempatan, Ekonomi dan Rakan Sebaya Terhadap Pelajar Sarjana Pendidikan ITTHO Menjalani Latihan Mengajar. Tesis KUiTTHO.

Best, J. W. Dan Kahn, J.V (1998). Research In Education. 8th ed. London : Allyn & Bacon.

Brunner, J.S (1971). The Relevance Of Education. New York: Norton Co.

Cohen ,L. Dan Manion, L (1985). Research Methods in Education. London : Croom Helm.

Drew, C.J., Hardman, M.L. and Hart, A.W. (1996). Designning and Conducting Research: Inquiry In Education An Social Science. 2nd ed. Massachusetts: Allyn and Bacon.

Francis, Wong Hoy Kee dan Paul, Chan Min Ohang (1975). *The Changing Pattern of Teacher Education In Malaysia*. Kuala Lumpur: Heinemen Educational Books (Asia) Ltd.

Hassan Mohd Ghazali . *Ciri-ciri Guru Pendidikan Seni Cemerlang*. Diperolehi pada Januari 20, 2003 dari <http://www.geocities.com/Athens/Parthenon/7306/cemerlang.html>

Henry, M.A and Beasley, W.W. (1979). *Supervising Students Teachers The Professional Way: A Guide For Cooperating Teachers*. Terre Haute: Sycamore Press.

Hoy, W.K. dan Miskel, C.G. (1976), *Educational Administration: Theory, Practice and Research*. Random House, Inc., New York,.

Kamarudin Hj Husin (1986). *Panduan Latihan Mengajar*. Petaling Jaya: Heinemann (Malaysia) Sdn Bhd.

Katz, L.G. (1974). *Issues And Problems In Teacher Education* dlm. Spodek, B. "Teacher Education of The Teacher, By The Teacher, For The Child." Washington: National Association for The Education of Young Children. 57.

Kamus Dewan (1998). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kamus Dewan (2000). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Lee, Lai Guan et.al (1999). Satu Tinjauan Tahap Keperluan Latihan Guru Pelatih Semasa Menjalani Latihan Mengajar. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan IPDA* 2. 37-63.

Louis Cohen dan Lawrence Maion, 1989. *Terjemahan Mohd Hoh Bidin, Panduan Latihan Mengajar*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Pustaka.

Mohd Fauzi Bin Mohd Yunus (2003). *Penghasilan Modul Pembelajaran Lukisan Kejuruteraan Berbantuan komputer (CAD3D)*. Tesis KUiTTHO.

- Mathan Lal Bangah et. Al. (1994). Kesiediaan Guru Pelatih Semester III Menghadapi Praktikum I. *Jurnal Pelita Pendidik* . 3. 87-119.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nawi Ab Rahman (2000). Teras Penyelidikan. Serdang:Universiti Putra Malaysia.
- Musak Mantrak & Mohd Yaakob Hj Mat Nong (1994). Ke Arah Meningkatkan Martabat Pendidik Abad ke 21: Cabaran, Hakikat dan Harapan. Kertas Kerja Seminar ke 9. Cetakan Pertama Kajang, Masa Enterprise.
- Neill, S.D. (1993). Practice Teaching : Old and Ineffective. *Education Canada*. 33.2 10-13.
- Ng Chiew Mei dan Ishak bin Osman (1996). Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih Semasa Menjalankan Praktikum I. Kuala Lumpur: Maktab Perguruan Ilmu Khas.
- Noor Suraini Nazaruddin (2000). Penglibatan pelajar Dalam Kegiatan Ko-Kurikulum Sukarela: Satu Tindakan DI KUiTTHO. Kajian Kes. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Othman bin Hussain (2000). Satu Kajian Kes:Penilaian Guru Pelatih Terhadap Kursus Pengajian Melayu. Diperolehi pada Januari 18, 2003 dari <http://www2.moe.gov.my/~mpsah/kajian/jurnal99.html>
- Praktikum/Latihan Mengajar. Diperolehi pada Februari 20, 2003 dari <http://www.uum.edu.my/sskp/bmelayu/pendidikan/bmgtacct.html>
- Rashidi Azizan dan Abdullah Mohd Noor (1995). Pendidikan Guru: Cabaran, Falsafah dan Strategi Dalam Pembentukan Guru yang Unggul.Selangor :Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rashidi Azazan & Abd. Rashid Johar (1994). Pendidikan Keguruan: Penilaian Semula Beberapa Aspek Perlaksanaan. Kertas Kerja Seminar ke 9. Cetakan Pertama Kajang, Masa Enterprise.

Rosilawati Binti Ahmad Khalil (1998). Keupayaan Pelajar Sarjana Pendidikan Ketika Menjalankan Latihan Mengajar Mengikut Penilaian Pengetua. Tesis KUiTTHO.

Stones, E. dan Norris S. (1792). Teaching Practice: Problems and Perspectives. Methuen.

Syamsul Affandi Bin Mustapha (2002) Pengurusan Program Latihan Mengajar Yang Sistematis Dan Efisien: Satu Tinjauan Di KUiTTHO. Tesis KUiTTHO.

Sharifah Alwiah Alsagoff (1985). Ilmu Pendidikan : Pedagogi. Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, Selangor Darul Ehsan.

Tajul Ariffin B. Noordin (1994). Latihan Mengajar: Suatu Pemikiran Semula dari Segi Konsep dan Perlaksanaan Kertas Kerja Seminar ke 9. Cetakan Pertama Kajang, Masa Enterprise.

Tang Chee Yee (1988). Panduan Latihan Mengajar. Edisi Pertama. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Tn. Hj Zakaria Bin Kassim & Idris Bin Md Noor (1994). Latihan Mengajar: Permasalahan Dan Cabaran Di Universiti Sains Malaysia. Kertas Kerja Seminar ke 9. Cetakan Pertama Kajang, Masa Enterprise.

Veenman, S. (1984). Perceived Problems Of Beginning Teachers *Review Of Educational Research*. **5. 2. 143-148.**

W. Mohd Haniff W. Mohd Shaufil (2002). Keberkesanan Latihan Mengajar Menurut Persepsi Pensyarah Politeknik Lulusan KUiTTHO. Tesis KUiTTHO.

Wan Azmi Ramli (1998). Pemikiran dalam Pendidikan. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.